

Tatu ganti kod kad kesetiaan

Sydney: Buat tatu kod kad kesetiaan di lengan. Itu tindakan seorang lelaki Australia yang tidak perlu risau sekiranya terlupa membawa kad berkenaan bersamanya.

Dalam TikTok kelakar yang disiarkan pada April lalu, lelaki itu membuktikan ia akan memudahkan hidupnya, lapor Daily Star.

Dia dilihat membeli sebotol minuman secara layan diri sebelum menayangkan lengannya pada pembaca kod bar dan tertera Kad Ganjaran Setiap Hari Anda sudah ditambahkan.

Klip itu mendapat komen daripada peminat dan mereka yang menganggap langkah itu agak maju.

“Saya tidak pasti sama ada saya kagum atau malu,” kata seorang pengguna laman sosial itu.

Seorang lagi lebih bersemangat, berkata, “Ya tuhan. Itu sangat baik.”

Lelaki itu bukan satu-satunya yang mengambil langkah demikian yang me-

nyimpan kad ganjaran dalam kulitnya secara kekal.

Dean Mayhew, baru-baru ini menjadi tajuk utama selepas dia mendapat kod Tesco Clubcard di lengan selepas membeli-belah di pasar raya gergasi lebih daripada tiga kali sehari.

Individu berusia 30 tahun dari Horsham itu mengambil masa untuk membuat keputusan itu.

Artis tatu Dan Rossetter berkata dia tidak pernah mendapat tempahan seperti itu sepanjang kerjayanya selama 12 tahun.

“Pada mulanya saya berkata kepada diri sendiri, adakah anda pasti mahu melakukan ini. Tetapi saya melihat keseronokan di sebaliknya tindakan itu dan berfikir, mari lakukannya.

“Saya bimbang sejauh mana ia mungkin berfungsi kerana ia adalah kod bar yang rumit tetapi Dean agak santai memberi reaksi bahawa jika ia tidak berfungsi ia bukan penamat kehidupan,” katanya.



KOD bar yang diaktifkan di lengan.